

# Qalam

Majalah Bulanan Melayu Terbit Tiap-tiap Awal Bulan Masehi

Bilangan 2 - September 1950 - Senaskah 50 sen

## BAHASA MELAYU

-----\*-----\*

Perbahasan yang hangat atas kedudukan bahasa Melayu dalam cadangan pelajaran Tanah Melayu, yang telah berlaku dalam Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu itu adalah sangat-sangat menarik perhatian tiap-tiap seorang bangsa Melayu yang cintakan bahasa dan bangsanya. Di situ ternampaklah oleh kita bahawa ahli-ahli Melayu dalam majlis itu adalah sangat-sangat cemburu atas kedudukan bahasanya, yang mana berertilah juga akan menaruh cemburu berkenaan apa jua perkara yang mengenai untung nasib bangsanya.

Sekalipun penyata tentang dasar pelajaran itu kita tidak menatapnya tetapi daripada perbahasan itu terzhairlah bahawa wakil-wakil Melayu dalam Majlis Mesyuarat Federal itu telah nampak bahawa di sebalik rancangan sepuluh tahun itu ada anasir-anasir yang nampaknya bertujuan hendak membunuh bahasa Melayu, bahasa penduduk negeri ini yang dari semasa ke semasa sememangnya telah terdesak dengan sebab tidak diutamakan atau tidak begitu diendahkan sangat. Hidupnya bahasa Melayu di dalam pejabat-pejabat kerajaan itu nampaknya hanyalah terikat kepada suatu perjanjian jua tetapi di sebalik itu penghargaan di atasnya tidak berapa diutamakan atau ada

usaha-usaha bagi menjadikannya suatu bahasa yang hidup, hidup dalam erti kata yang seluas-luasnya.

Yang Berhormat Dato' Onn Bin Jaafar berkata bahawa adalah bahasa Melayu itu adalah bahasa lebih daripada 80 million orang dalam daerah-daerah kita. Perkataan itu adalah sebenarnya. Bahasa Melayu terpakai di Tanah Melayu dan seluruh Indonesia sekadar di Indonesia di sebut di sekarang "bahasa Indonesia". Selisihnya tentang dengan bahasa Melayu di Tanah Melayu ini tidak banyak, melainkan tentang sedikit-sedikit perkataan dan cara percakapan serta karangan, selain dari sebutan, iaitu perkara-perkara yang memang sepatutnya terjadi di dalam kawasan yang besar dan bertebar begitu luas dan jauh-jauh. Tetapi tidaklah sekali-kali perselisihan itu jadi halangan daripada dapat bersefahaman antara kedua belah pihak.

Di Tanah Melayu bahasa Melayu ini ditulis dengan huruf Arab dan juga dengan huruf Rumi. Kedua-dua itu dihargakan. Pihak yang tua-tua berat kepada tulisan huruf Arab dan pihak yang muda berat kepada tulisan Rumi, tulisan huruf Arab ataupun tulisan Jawi itu lebih tua kepada kita, daripada tulisan Ruminya. Tulisan Jawi itu samalah tuanya dengan tawarikh kita orang-orang Melayu memeluk agama Islam iaitu kira-kira 600 atau 700 tahun dahulu. Huruf Rumi itu baharu sahaja dipakai oleh orang-orang Melayu iaitu adalah kira-kira dalam seratus tahun ini.

Adapun yang menjadi perbezaan dalam bahasa Melayu Malaya dan bahasa Indonesia tiadalah lain melainkan tulisan. Kita di sini memakai tulisan Jawi dan Rumi (rumi cara Inggeris) dan mereka memakai tulisan Rumi (cara Belanda) dan sekarang sudah mulai berubah sedikit-sedikit dan lama-kelamaan akan tetap menjadi cara Indonesia.

Tetapi apakah yang patut menarik perhatian kita berkenaan bahasa Melayu Malaya dan bahasa Indonesia itu. Yang ternampak oleh kita ialah bahawa bahasa Melayu Malaya adalah dalam

pancaroba dan bahasa Indonesia sudah mulai terkemuka sebagai satu bahasa yang hidup dalam kalangan rasmi dan dalam lingkungan masyarakat ekonomi. Bahasa Indonesia adalah terpakai dengan berleluasa. Tetapi dalam Tanah Melayu yang dikatakan bahasa Melayu ini tidak ada bezanya dengan bahasa Indonesia, masih tiada begitu diperluaskan sebab kononnya bahasa Melayu tiada cukup luas untuk jadi pakaian rasmi dan masyarakat.

Pendapatan itu sayogialah tidak ada dalam hati sanubari orang-orang Melayu kerana, mengikut kelaziman dan adat dunia, barang yang kurang boleh ditambah, barang yang lemah boleh dikuatkan, barang yang buruk boleh dielakkan, asalkan diberi layanan dan selenggaraan yang cukup dan lengkap, yakni diberi iktiraf dan dipakai dengan erti kata yang sebenar, dengan rasmi dalam jabatan kerajaan, dalam rumah-rumah perniagaan dan perusahaan dan dalam lingkungan masyarakat.

Orang-orang Melayu hendaklah faham bahawa “bahasa menunjukkan bangsa”. Bahasa yang hidup tentulah pula menunjukkan bangsa yang hidup dan bahasa yang lemah sebaliknya menunjukkan masyarakat yang lemah atau hampir mati. Perdana Menteri India ada pernah berkata dalam salah satu karangan bahawa “bahasa yang hidup adalah satu benda yang hidup, sentiasa bergerak, sentiasa berubah dan menggambarkan keadaan bangsa yang menggunakan bahasa itu. Akar-akarnya menjalar di tengah-tengah orang ramai, meskipun pokoknya boleh jadi kebudayaan beberapa orang sahaja.”

Sebagaimana yang disebutkan di atas tadi bahawa bahasa Melayu Malaya dan bahasa Indonesia yang dipakai oleh 80 million umat tidak ada bezanya yakni apa yang dituturkan oleh orang-orang Melayu Malaya, difahami oleh orang-orang Indonesia dan apa yang dicakapkan oleh orang-orang Indonesia difahami pula oleh orang-orang Melayu. Yang demikian adalah menjadi satu daripada puncanya kemajuan bahasa antara kedua belah pihak dengan

perantaraan ambil-berambil dan pakai-memakai dan biasanya adalah bilangan yang kecil akan terpengaruh oleh bilangan yang banyak, dengan tiada seorang pun yang akan dapat menghalang dan menahan.

Tuan Sutan Muhammad Zin seorang ahli bahasa Indonesia yang terkenal dan menjadi pendeta bahasa Indonesia yang telah datang melawat ke Semenanjung Tanah Melayu baharu-baharu ini bagi menyaksikan pelat percakapan bahasa Melayu di antara lain-lain ada menyatakan bahawa oleh memandang mudahnya mempelajari bahasa Indonesia (Melayu) maka dengan menghidupkan bahasa itu lebih luas lagi sudah tentu akan menjadi harapan yang besar bahawa bahasa Indonesia akan menjadi bahasa basahan di Timur Jauh ini. Harapan yang sedemikian itu sebenarnya ada sekiranya bahasa itu dihidupkan dengan lebih luas dan boleh digunakan kepada mempelajari ilmu-ilmu pengetahuan. Dengan ini terang bahawa bahasa Melayu itu akan boleh hidup bukannya sahaja boleh digunakan kepada penduduk-penduduk 80 milion itu tetapi juga kepada lain-lain penduduk terutamanya kepada 18 milion orang Filipina.

Hiduplah bahasa dan bangsa Melayu.

---

## LIMA TAHUN MERDEKA

-----\*-----\*-----

Kita jadikan keluaran kita ini sebagai keluaran khas menyambut hari kemerdekaan Indonesia ialah oleh mengenang bahawa kemerdekaan yang disambut 17 Ogos 1950 ialah hari kemerdekaan yang kelima yang di dalamnya Indonesia telah merdeka dengan sepenuh-penuhnya. Kita mengucapkan selamat merdeka kepada warganegara Indonesia khususnya dan di Malaya umumnya. Kita berharap kemerdekaan yang didapat oleh mereka ini akan membawa kemakmuran yang melimpah kepada seluruh penduduk Indonesia – Amin.